

17 OCT 1998

RINGGIT-MINGGUAN

RINGGIT AKAN DITENTUKAN OLEH PERGERAKAN DOLAR AS MINGGU DEPAN

KUALA LUMPUR, 17 Okt (Bernama) -- Arah aliran ringgit minggu depan dijangka bergantung kepada pergerakan dolar A.S. berbanding matawang-matawang lain, demikian menurut para peniaga.

Seorang daripada mereka berkata faktor yang mempunyai pengaruh besar ke atas dolar ialah samada pihak berkuasa kewangan Eropah akan mengikuti jejak Rizab Persekutuan A.S. yang menurunkan kadar faedah.

Menurutnya jika bank-bank pusat di Eropah juga menurunkan kadar faedah, maka sebarang kejatuhan nilai dolar A.S. akan terhad.

"Memandangkan keadaan ini, ringgit mungkin tidak banyak berubah atau turun berbanding matawang-matawang utama lain dalam dagangan yang terus lengang minggu depan," katanya.

Di pasaran tempatan, lawatan lima hari Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Jepun dijangka menyumbang kepada sentimen positif di kalangan pelabur tempatan.

Dr Mahathir mengambil peluang daripada lawatannya untuk menjelaskan kepada ahli-ahli perniagaan dan politik di sana tentang langkah-langkah kawalan pertukaran berpilih yang diambil oleh Malaysia baru-baru ini.

"Saya harap dengan penjelasan Dr Mahathir ini, lebih ramai pelabur dan peniaga Jepun, terutamanya mereka yang mempunyai kepentingan di Malaysia, akan jelas tentang rancangan pelaburan mereka di sini. Dengan langkah-langkah kawalan ini, kepentingan mereka lebih selamat dan masih berdaya maju manakala senario perniagaan pula lebih mudah ditelah," tambahnya.

Menteri Tugas-Tugas Khas Tun Daim Zainuddin berkata pada hari Jumaat bahawa Malaysia akan hanya mengubah dasar kawalan matawang berpilihnya jika terdapat struktur kewangan antarabangsa yang lebih sesuai untuk menstabilkan matawang-matawang.

Timbalan Gabenor Bank Negara Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz juga berkata bank pusat itu tidak berhasrat untuk kerap menukar nilai ringgit berbanding dolar A.S. yang kini ditetapkan pada RM3.80.

Tetapi jika berlaku perubahan, ia adalah berdasarkan asas-asas yang ada, katanya.

Minggu ini, ringgit susut berbanding matawang-matawang utama disebabkan oleh kejatuhan nilai unit Amerika itu berbanding matawang-matawang lain terutama yen, mark Jerman dan pound sterling, yang mengakibatkan tekanan jualan yang beransur-ansur tetapi kecil ke atas matawang tempatan itu.

Ringgit ditutup kebanyakannya rendah berbanding matawang-matawang utama kecuali paun sterling berbanding minggu lalu.

Ia ditutup susut berbanding dolar Singapura pada 2.3425/3467 daripada 2.3022/3040 Jumaat lalu, berbanding yen pada 3.2706/2732 daripada 3.2176/2210 dan berbanding mark Jerman pada 2.3507/3528 daripada 2.3254/3273 sebelumnya.

Berbanding paun sterling, unit tempatan itu lebih teguh pada 6.4500/4555 daripada 6.4724/4761.

Dalam minggu baru berakhir yen menerima permintaan besar, terutamanya daripada pelabur-pelabur runcit kerana dia faktor positif. Pertama ialah pendirian serius yang diambil oleh kerajaan Jepun untuk memperkenalkan satu pakej reformasi bertujuan mempermodalkan semula bank-banknya yang bermasalah, dan kedua, langkah Rizab Persekutuan A.S. menurunkan kadar faedah.

Di pasaran wang, Bank Negara cergas meminjam dana daripada sistem dalam

usahanya untuk mengurang lebih mudah tunai dalam pasaran antara bank.

Klibor bagi wang satu bulan jatuh kepada 6.68 peratus pada hari Jumaat minggu ini berbanding 6.85 peratus pada Jumaat sebelumnya manakala bagi wang tiga bulan ia turun kepada 7.07 peratus daripada 7.19 peratus sebelumnya. -- BERNAMA

RIZ KY JR